

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

<b>Bil. 1</b>	<b>Isnin</b>	<b>16 Julai 2018</b>
---------------	--------------	----------------------

---

**K A N D U N G A N**

<b>PROKLAMASI MEMANGGIL PARLIMEN BERMESYUARAT</b>	(Halaman 1)
<b>MEMILIH TUAN YANG DI-PERTUA</b>	(Halaman 2)
<b>TUAN YANG DI-PERTUA MENGANGKAT SUMPAAH</b>	(Halaman 4)
<b>AHLI-AHLI MENGANGKAT SUMPAAH</b>	(Halaman 6)
<b>MEMILIH DUA ORANG TIMBALAN YANG DI-PERTUA</b>	(Halaman 14)
<b>USUL:</b> Jalan-Jalan Masuk Ke Parlimen	(Halaman 17)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL PERTAMA**  
**MESYUARAT PERTAMA**  
**Isnin, 16 Julai 2018**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**  
**DOA**

---

**PROKLAMASI SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**  
**MEMANGGIL PARLIMEN UNTUK BERMESYUARAT**

**10.06 PG.**

**Setiausaha [Datuk Roosme binti Hamzah]:** *[Membaca Proklamasi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong]*

*“PROKLAMASI OLEH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG, DENGAN KURNIA ALLAH, KETUA UTAMA NEGARA BAGI NEGERI-NEGERI DAN WILAYAH-WILAYAH MALAYSIA.”*

*BAHAWASANYA, Parlimen telah dibubarkan pada tujuh hari bulan April, dua ribu lapan belas;*

*DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Fasal (4) Perkara 55 Perlembagaan Persekutuan bahawa Parlimen hendaklah dipanggil bermesyuarat pada suatu tarikh yang tidak lewat daripada seratus dua puluh hari dari tarikh pembubaran itu;*

*MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, SULTAN MUHAMMAD V, dengan Kurnia Allah Ke Bawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi negeri-negeri dan wilayah-wilayah Malaysia, pada menjalankan kuasa yang diberi kepada BETA di bawah Perkara 55 Perlembagaan Persekutuan DENGAN INI MEMANGGIL Parlimen untuk bermesyuarat dan menetapkan enam belas hari bulan Julai dua ribu lapan belas, dan pada pukul sepuluh pagi, sebagai tarikh dan waktu bagi Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Parlimen Malaysia Yang Keempat Belas yang akan diadakan di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur, Ibu Kota Persekutuan.*

*DIPERBUAT di Istana Negara di Kuala Lumpur, Ibu Kota Persekutuan pada tarikh lapan hari bulan Jun dua ribu lapan belas.*

*Dengan Titah Perintah Baginda*

*t.t.*

*Tun Dr. Mahathir bin Mohamad  
Perdana Menteri”*

**MEMILIH TUAN YANG DI-PERTUA**

**Setiausaha:** Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut perkara 57 Perlembagaan Persekutuan...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Datuk Setiausaha Dewan, *point of order...*

**Setiausaha:** ...Dan mengikut aturan yang dinyatakan di dalam Peraturan Mesyuarat 1...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Datuk Setiausaha Dewan, *point of order.*

**Setiausaha:** Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat akan menjalankan urusan memilih Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** *Point of order* 4(1) – Aturan Memilih Tuan Yang di-Pertua.

**Setiausaha:** Mungkin dengar dahulu siapa yang saya akan sebut. Saya telah menerima satu cadangan untuk pemilihan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Cadangan itu datangnye daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam suratnya bertarikh 2 Julai 2018. *[Dewan riuh]*

Oleh yang demikian...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** *Point of order!*

**Setiausaha:** ...Saya dengan segala hormatnya mempersilakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** *Point of order!*

**Setiausaha:** ...Untuk mencadangkan memilih Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Setiausaha Dewan, *point of order* 4(1). *Point of order.*

**Setiausaha:** Saya minta Yang Amat Berhormat mengemukakan

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** *Point of order* 4(1). Setiausaha Dewan, *point of order.*

**Perdana Menteri [Tun Dr. Mahathir bin Mohamad]:** Datuk Setiausaha, saya mencadangkan...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** *Point of order...*

**Seorang Ahli:** Tarikh-tarikh itu pembohong!

*[Dewan riuh]*

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad:** ...Yang Berbahagia Dato' Mohamad Ariff bin Md. Yusof

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Dengarlah *point of order* itu.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Pembohong!

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad:** ... Menjadi Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan mengikut Peraturan Mesyuarat 4(1)...

**Seorang Ahli:** Hoi, dengarlah...

**Seorang Ahli:** *Point of order*...

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad:** ...Saya telah memastikan bahawa beliau bersetuju untuk berkhidmat jika dipilih.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Wanita dan Pembangunan Keluarga [Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail]:** Saya mohon menyokong.

**Seorang Ahli:** Setiausaha Dewan, *point of order*.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Pembohong! Pembohong!

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Penipu ini.

**Beberapa Ahli:** Tipu ini. Tipu! Tipu! Penipu!

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Bangun!

**Setiausaha:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab seorang sahaja yang dicadangkan dan disokong menjadi Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, maka menurut...

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Pemilihan tidak mengikut peraturan, Setiausaha Dewan.

**Setiausaha:** ...Peruntukan Peraturan Mesyuarat 4(3)...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Pemilihan tidak sah, tidak ikut peraturan. *Point of order*.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Pemilihan Tuan Yang di-Pertua tidak mengikut peraturan.

*[Dewan riuh]*

**Setiausaha:** ... Saya dengan ini memasyhurkan bahawa Yang Berbahagia Dato' Mohamad Ariff bin Md. Yusof dipilih sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

*[Dewan riuh]*

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Inikah Malaysia baharu? Tipu! Tipu!

**Setiausaha:** Maka dengan itu, Majlis Mesyuarat dengan segala hormatnya mempersilakan Yang Berbahagia Dato' Mohamad Ariff bin Md. Yusof masuk ke Dewan.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Inikah Malaysia baharu?

**Seorang Ahli:** Angkat sumpah dahulu. Angkat sumpah dahulu.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Angkat sumpah dahulu. Angkat sumpah dahulu. Hendak pergi mana? Perancis menang...

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Keluar. Keluar. Keluar. Pergi keluar. Pergi keluar.

*[Ahli-ahli Pembangkang keluar Dewan]*

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bharu]:** Angkat sumpah dahulu. Angkat sumpah dahulu.

**Seorang Ahli:** Angkat sumpah dahulu, baru keluar.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bharu]:** Masuk balik. Masuk balik. Angkat sumpah dahulu.

**Seorang Ahli:** Cepat sangat hendak lari. Jangan lari.

**Seorang Ahli:** Penipu!

*[Dewan riuh]*

*[Yang Berbahagia Dato' Mohamad Ariff bin Md. Yusof masuk ke dalam Dewan dan dipakaikan jubah oleh Setiausaha, kemudian menuju ke Kerusi]*

*[Dewan tepuk]*

### **TUAN YANG DI-PERTUA MENGANGKAT SUMPAAH**

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya Mohamad Ariff bin Md. Yusof, setelah dipilih memegang jawatan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dengan sesungguhnya bersumpah bahawa saya akan dengan jujur menunaikan kewajipan-kewajipan jawatan itu dengan segala daya upaya saya bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenar kepada Malaysia dan akan memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaannya.

*[Tuan Yang di-Pertua menurunkan tandatangan pada Buku Sumpah dan Ikrar]*

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Segala puji dan syukur kepada Allah SWT atas limpahan nikmat dan kurnia-Nya dan selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Saya bersyukur ke hadrat Ilahi dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad atas usul beliau yang mencadangkan saya dilantik sebagai Yang di-Pertua

Dewan Rakyat Parlimen Keempat Belas. Juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail yang menyokong usul ini. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, baik dari barisan kerajaan dan pembangkang di atas kepercayaan memilih saya untuk jawatan ini. [*Dewan tepuk*] Tugas ini membawa tanggungjawab yang cukup besar dan saya berikrar untuk berusaha sedaya upaya semampu saya untuk memenuhi amanah ini sebaiknya.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi penghargaan dan berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang terdahulu atas usaha dan saranan beliau untuk memakmurkan Dewan yang mulia ini dan juga kepada Ahli-ahli Dewan terdahulu yang telah memberikan jasa mereka untuk menghidupkan budaya demokrasi negara kita.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, Dewan Rakyat ini mempunyai kedudukan yang tertinggi untuk menentukan undang-undang negara yang bertujuan memberikan manfaat terbesar kepada seluruh warganegara Malaysia. Ia mempunyai wibawanya sendiri dan melengkapkan cabang-cabang pemerintahan yang lain. Justeru, peranan Parlimen sebagai medan perbincangan dan perdebatan yang bebas mesti dihayati sebaiknya. Usaha-usaha pembaikan dan penaiktarafan proses penggubalan undang-undang mesti berterusan supaya Parlimen ini terus dihormati dan disegani segenap lapisan masyarakat.

Persidangan Dewan Rakyat kali ini menempa sejarah kerana ia merupakan kali pertama sejak Pilihan Raya Umum Ke-14 dan peralihan kuasa yang berlaku kali pertama di dalam keadaan yang penuh aman. Malaysia menongkah arus politik global apabila warganegaranya bertindak untuk terus memperkasakan dan mempercayai sistem demokrasi sebagai wadah perubahan dan menjadi inspirasi ramai di serata dunia. Ini bukti keampuhan Sistem Demokrasi Berparlimen kita untuk menangani perbezaan dan perselisihan yang sudah pasti wujud di dalam mana-mana negara, lebih-lebih lagi di dalam negara kita yang berbilang kaum dan pegangan ini. Kini, perhatian dunia tertumpu kepada Dewan Rakyat ini sebagai ruang untuk mengurus kepelbagaian yang wujud di dalam negara kita dengan cara yang tertib dan mengekalkan keamanan.

#### ■1020

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, suara-suara Yang Berhormatlah yang akan menyampaikan keluh kesah rakyat, termasuk mereka yang saban hari membanting tulang di kota dan di desa, di tengah lautan, di bendang dan ladang dan di belantara, mereka yang lemah dan yang dipinggirkan.

Biarlah Dewan ini diisi dengan gaya bahasa dan suara-suara yang menginsafi pesanan pujangga nusantara, Raja Ali Haji, “*Apabila mendengar akan khabar menerimanya itu hendaklah sabar, apabila mendengar akan aduan membicarakannya itu hendaklah cemburuan, apabila perkataan yang lemah lembut lekaslah segala orang mengikut, apabila perkataan yang amat kasar lekaslah orang sekalian gusar dan apabila pekerjaan yang amat benar tidak boleh orang berbuat onar*”.

Saya yakin Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian seperti mana Ahli-ahli yang terdahulu akan melaksanakan tugas sebagai wakil rakyat ini dengan terhormat seperti yang dituntut keluhuran institusi ini. Dengan berbahas berasaskan kejujuran dan tanggungjawab dan berdebat secara saling hormat-menghormati antara satu sama yang lain dalam rangka demokrasi berparlimen. Saya percaya tutur kata dan perlakuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian akan memastikan kita mampu capai matlamat-matlamat tinggi Dewan ini.

Sebagai Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang baru dilantik, saya akan berusaha melaksanakan tugas saya dengan sepenuh hati dan bebas dari pengaruh luar untuk memelihara martabat dan maruah Dewan yang mulia ini. [*Tepuk*] Saya juga akan bersama dengan tuan-tuan dan puan-puan Yang Berhormat sekalian berusaha ke arah meningkatkan lagi wibawa institusi Parlimen di negara kita, [*Tepuk*] supaya budaya demokrasi berparlimen negara kita bertambah berkesan, adil dan saksama. Mudah-mudahan usaha kita semua akan menerima berkat dari Yang Maha Esa dan Dewan Rakyat ini menjadi kebanggaan negara dan lambang ketinggian ketamadunan kita.

Akhir sekali, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua di atas pelantikan saya sebagai Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Saya berjanji akan cuba menunaikan tugas-tugas saya dengan saksama seperti mana sumpah yang telah saya lafazkan tadi. Dengan itu *Wabilahitaufik walhidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Sekian, terima kasih. [*Tepuk*]

### **AHLI-AHLI MENGANGKAT SUMPAAH**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sampailah kita kepada upacara mengangkat sumpah. Untuk menjimatkan masa saya meminta Ahli-ahli Yang Berhormat keluar dan mengangkat sumpah di rostrum seorang demi seorang mengikut senarai yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli akan dipanggil mengikut kawasan sekiranya perlu. Ahli-ahli akan mengangkat sumpah di rostrum yang

ada pembesar suara. Sila sebutkan nama masing-masing selepas membaca perkataan 'Saya...' dalam teks Sumpah disediakan di atas rostrum berkenaan.

Semasa seorang ahli sedang mengangkat sumpah, ahli-ahli lain telah sedia bergerak meninggalkan tempat duduk masing-masing. Dalam tempoh yang sama tiga orang ahli telah sedia berdiri di belakang ahli yang sedang mengangkat sumpah. Sebaik sahaja ahli yang mengangkat sumpah selesai, ahli yang berkenaan akan terus menandatangani buku sumpah yang ada di atas meja yang telah disediakan dan kemudian balik ke tempatnya. Sementara itu, ahli yang menunggu di belakang terus mara mengangkat sumpah mengikut susunan giliran dan kekosongan tempatnya digantikan oleh ahli lain yang sedang menunggu di laluan hala menuju ke tempat mengangkat sumpah dan seterusnya.

Sekarang saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengangkat sumpah, diikuti oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan seterusnya Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

*[Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah]:*

1. Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir bin Mohamad
2. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail
3. Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng
4. Yang Berhormat Tuan Mohamad bin Sabu
5. Yang Berhormat Dr. Maszlee bin Malik
6. Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali
7. Yang Berhormat Puan Zuraida binti Kamaruddin

■1030

8. Yang Berhormat Puan Rina binti Mohd Harun
9. Yang Berhormat Tuan Loke Siew Fook
10. Yang Berhormat Tuan Gobind Singh Deo
11. Yang Berhormat Tuan M. Kulasegaran
12. Yang Berhormat Tuan Haji Salahuddin bin Ayub
13. Yang Berhormat Dr. Hj. Dzulkefly bin Ahmad
14. Yang Berhormat Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman
15. Yang Berhormat Tuan Mohd Redzuan bin Yusof



16. Yang Berhormat Dr. Xavier Jayakumar
17. Yang Berhormat Dato' Saifuddin Nasution bin Ismail
18. Yang Berhormat Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking
19. Yang Berhormat Puan Teresa Kok Suh Sim
20. Yang Berhormat Puan Yeo Bee Yin
21. Yang Berhormat Tuan Baru Bian
22. Yang Berhormat Dato' Saifuddin Abdullah
23. Yang Berhormat Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa

**■1040**

24. Yang Berhormat Tuan Khalid bin Abd Samad
25. Yang Berhormat Datuk Liew Vui Keong
26. Yang Berhormat Tuan Mohamaddin bin Ketapi
27. Yang Berhormat Datuk Dr. Shahrudin bin Md Salleh
28. Yang Berhormat Dr. Md Farid bin Md Rafik
29. Yang Berhormat Dato' Haji Amiruddin bin Hj Hamzah
30. Yang Berhormat Tuan Eddin Syazlee bin Shith
31. Yang Berhormat Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin
32. Yang Berhormat Tuan Sim Tze Tzin
33. Yang Berhormat Tuan Sivarasa Rasiah
34. Yang Berhormat Dr. Lee Boon Chye
35. Yang Berhormat Puan Fuziah binti Salleh
36. Yang Berhormat Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik
37. Yang Berhormat Tuan Chong Chieng Jen

**■1050**

38. Yang Berhormat Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji
39. Yang Berhormat Puan Hannah Yeoh
40. Yang Berhormat Puan Teo Nie Ching
41. Yang Berhormat Tuan Sim Chee Keong
42. Yang Berhormat Dr. Ong Kian Ming
43. Yang Berhormat Dato' Mahfuz bin Haji Omar
44. Yang Berhormat Tuan Haji Mohd Anuar Mohd Tahir
45. Yang Berhormat Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli
46. Yang Berhormat Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin
47. Yang Berhormat Dato' Kamarudin Jaffar
48. Yang Berhormat Dato' Mohd Azis bin Jamman

49. Yang Berhormat Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy
50. Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh
51. Yang Berhormat Tuan Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus
52. Yang Berhormat Dr Hasan bin Bahrom
53. Yang Berhormat Tuan Ma'mun bin Sulaiman

**■1100**

54. Yang Berhormat Tuan Kesavan a/l Subramaniam
55. Yang Berhormat Tuan Chang Lih Kang
56. Yang Berhormat Puan Norazrina binti Surip
57. Yang Berhormat Puan June Leow Hsiad Hui
58. Yang Berhormat Tuan Ali anak Biju
59. Yang Berhormat Tuan Wong Tack
60. Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Santhara
61. Yang Berhormat Dr. Kelvin Yii Lee Wuen
62. Yang Berhormat Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir
63. Yang Berhormat Tuan Chan Ming Kai
64. Yang Berhormat Tuan Noor Amin bin Ahmad
65. Yang Berhormat Tuan Karupaiya Mutusami
66. Yang Berhormat Dr. Rusnah binti Aluai
67. Yang Berhormat Puan Hajah Natrah Ismail
68. Yang Berhormat Puan Wong Shu Qi
69. Yang Berhormat Tuan Teh Kok Lim

**■1110**

70. Yang Berhormat Tuan Cha Kee Chin
71. Yang Berhormat Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji
72. Yang Berhormat Puan Noorita binti Sual
73. Yang Berhormat Tuan Wong Hon Wai
74. Yang Berhormat Laksamana Muda Dato' Pahlawan Danyal Balagopal  
Abdullah (B)
75. Yang Berhormat Tuan Steven Choong Shiau Yoon
76. Yang Berhormat Tuan Hassan bin Abdul Karim
77. Yang Berhormat Tuan Awang Husaini bin Sahari
78. Yang Berhormat Tuan Jonathan bin Yasin
79. Yang Berhormat Tuan Willie anak Mongin

80. Yang Berhormat Tuan Jugah a/k Muiyang @ Tambat [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*][*Masalah teknikal*]
81. Yang Berhormat Dato' Mohd Rashid Hasnon
82. Yang Berhormat Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil
83. Yang Berhormat Tuan Pang Hok Liong

**■1120**

84. Yang Berhormat Tuan Chan Foong Hin
85. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Hassan
86. Yang Berhormat Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien
87. Yang Berhormat Tuan P. Prabakaran
88. Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang
89. Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow
90. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir
91. Yang Berhormat Datuk Seri Mohd Shafie bin Haji Apdal
92. Yang Berhormat Puan Nurul Izzah binti Anwar
93. Yang Berhormat Dato' Johari bin Abdul
94. Yang Berhormat Tuan Tony Pua Kiam Wee
95. Yang Berhormat Tuan Tan Kok Wai
96. Yang Berhormat Tuan Ahmad Faizal bin Azumu
97. Yang Berhormat Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid
98. Yang Berhormat Tuan William Leong Jee Keen

**■1130**

99. Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun
100. Yang Berhormat Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh
101. Yang Berhormat Dato' Ngeh Koo Ham
102. Yang Berhormat Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu
103. Yang Berhormat Tuan Nga Kor Ming
104. Yang Berhormat Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew
105. Yang Berhormat Dr. Azman bin Ismail
106. Yang Berhormat Dato' Mansor bin Othman
107. Yang Berhormat Tuan Su Keong Siong
108. Yang Berhormat Tuan Wong Chen
109. Yang Berhormat Tuan Lim Lip Eng
110. Yang Berhormat Tuan Charles Santiago
111. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng

- 112. Yang Berhormat Puan Kasthuriraani a/p Patto
- 113. Yang Berhormat Puan Maria Chin binti Abdullah
- 114. Yang Berhormat Puan Christina Liew Chin Jin

**■1140**

- 115. Yang Berhormat Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
- 116. Yang Berhormat Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh
- 117. Yang Berhormat Tuan Muslimin bin Yahaya
- 118. Yang Berhormat Tuan Oscar Ling Chai Yew
- 119. Yang Berhormat Tuan Wong Ling Bui
- 120. Yang Berhormat Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh
- 121. Yang Berhormat Dr. Michael Teo Yu Keng
- 122. Yang Berhormat Tuan Khoo Poay Tiong
- 123. Yang Berhormat Tuan Mordi anak Bimol
- 124. Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi
- 125. Yang Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak
- 126. Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein
- 127. Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa bin Mohamed
- 128. Yang Berhormat Tengku Razaleigh bin Hamzah
- 129. Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa
- 130. Yang Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob

**■1150**

- 131. Yang Berhormat Dato' Sri Anifah bin Aman
- 132. Yang Berhormat Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor
- 133. Yang Berhormat Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said
- 134. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh
- 135. Yang Berhormat Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar
- 136. Yang Berhormat Dato' Seri Hamzah bin Zainudin
- 137. Yang Berhormat Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong
- 138. Yang Berhormat Dato' Seri Mahdzir bin Khalid
- 139. Yang Berhormat Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar
- 140. Yang Berhormat Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican
- 141. Yang Berhormat Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun
- 142. Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim
- 143. Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee
- 144. Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said

145. Yang Berhormat Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan

146. Yang Berhormat Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub

■1200

147. Yang Berhormat Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman

148. Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib

149. Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad

150. Yang Berhormat Datuk Halimah binti Mohamed Sadique

151. Yang Berhormat Dato' Dr. Noraini Ahmad

152. Yang Berhormat Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah

153. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim

154. Yang Berhormat Datuk Seri M. Saravanan

155. Yang Berhormat Dato' Sri Bung Moktar bin Raden

156. Yang Berhormat Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah

157. Yang Berhormat Datuk Abd Rahim bin Bakri

158. Yang Berhormat Datuk Zahidi bin Zainul Abidin

159. Yang Berhormat Dato' Sri Hasan bin Arifin

160. Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz

161. Yang Berhormat Datuk Rozman bin Isli

162. Yang Berhormat Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz

■1210

163. Yang Berhormat Datuk Haji Shabudin Yahaya

164. Yang Berhormat Dato' Hasbullah bin Osman

165. Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad

166. Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris

167. Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh

168. Yang Berhormat Datin Mastura binti Mohd Yazid

169. Yang Berhormat Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria

170. Yang Berhormat Dato' Jalaluddin bin Alias

171. Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Adham bin Baba

172. Yang Berhormat Dato' Haji Salim Sharif

173. Yang Berhormat Dato' Rosol bin Wahid

174. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang

175. Yang Berhormat Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man

176. Yang Berhormat Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof

177. Yang Berhormat Dato' Takiyuddin bin Hassan

- 178. Yang Berhormat Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali
- 179. Yang Berhormat Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz

**■1220**

- 180. Yang Berhormat Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar
- 181. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Madius Tangau
- 182. Yang Berhormat Puan Hajjah Siti Zailah binti Mohd Yusoff
- 183. Yang Berhormat Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli
- 184. Yang Berhormat Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary
- 185. Yang Berhormat Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh
- 186. Yang Berhormat Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem
- 187. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili
- 188. Yang Berhormat Dato' Seri Tiong King Sing
- 189. Yang Berhormat Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari
- 190. Yang Berhormat Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi
- 191. Yang Berhormat Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman
- 192. Yang Berhormat Tuan Haji Awang bin Hashim
- 193. Yang Berhormat Dato Hajah Hanifah Hajar Taib
- 194. Yang Berhormat Puan Rubiah binti Wang
- 195. Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy Shukri

**■1230**

- 196. Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim
- 197. Yang Berhormat Tuan Sabri bin Azit
- 198. Yang Berhormat Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman
- 199. Yang Berhormat Tuan Shahrizukirain bin Abd Kadir
- 200. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim
- 201. Yang Berhormat Tuan Che Alias bin Hamid
- 202. Yang Berhormat Dato' Masir Anak Kujat
- 203. Yang Berhormat Datuk Alexander Nanta Linggi
- 204. Yang Berhormat Dato' Henry Sum Agong
- 205. Yang Berhormat Datuk Ago Dagang
- 206. Yang Berhormat Tuan Anyi Ngau
- 207. Yang Berhormat Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah
- 208. Yang Berhormat Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan
- 209. Yang Berhormat Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau
- 210. Yang Berhormat Tuan Mohd Shahr bin Abdullah

211. Yang Berhormat Dato' Sivarraajh Chandran

■1240

212. Yang Berhormat Datuk Ugak Anak Kumbong

213. Yang Berhormat Tuan Robert Lawson Chuat

214. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi

215. Yang Berhormat Tuan Yusuf bin Abd Wahab

216. Yang Berhormat Tuan Lukanisman bin Awang Sauni

217. Yang Berhormat Tuan Arthur Joseph Kurup

218. Yang Berhormat Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali,

219. Yang Berhormat Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal

220. Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, selesailah upacara mengangkat sumpah. Sekarang Mesyuarat diteruskan dengan urusan berikutnya.

### **MEMILIH DUA ORANG TIMBALAN YANG DI-PERTUA**

**Setiausaha:** Saya telah menerima dua cadangan untuk pemilihan dua Timbalan Yang di-Pertua. Cadangan pertama datang daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam suratnya bertarikh 2 Julai 2018 . Cadangan kedua datangnya daripada Yang Berhormat Bagan Datok dalam suratnya bertarikh 2 Julai 2018.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mencadangkan pemilihan dua Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

**Perdana Menteri [Tun Dr. Mahathir bin Mohamad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Yang Berhormat Dato' Mohd Rashid Hasnon, Ahli Parlimen Batu Pahat dan Yang Berhormat Tuan Nga Kor Ming, Ahli Parlimen Teluk Intan dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. *[Dewan tepuk]*

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Wanita dan Pembangunan Keluarga [Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail]:** Saya mohon menyokong.

**Setiausaha:** Yang Berhormat Bagan Datok akan mencadangkan usul memilih Timbalan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datok]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Ahli Parlimen Beluran untuk menjadi calon Timbalan Yang di-Pertua. *[Dewan tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Penyokong?

**Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]:** Tuan Yang di-Pertua, Pengerang menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab ada tiga orang Ahli Yang Berhormat telah dicadangkan dan disokong untuk menjadi Timbalan Yang di-Pertua, oleh sebab Perkara 57(1)(b) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan hanya dua orang Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang boleh dipilih di kalangan Ahli Dewan Rakyat, maka kalau kita ikut Peraturan Mesyuarat 6(2) Peraturan-peraturan Majlis Dewan Rakyat, Majlis Mesyuarat akan membuat pemilihan dua Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dengan undi bersurat. Maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 4(3), Majlis Mesyuarat akan membuat pemilihan memilih Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dengan undi bersurat.

Bagi maksud undian bersurat, pegawai-pegawai di Dewan akan mengedarkan kertas-kertas undi kepada Yang Berhormat sekalian. Ahli-ahli Yang Berhormat diharapkan dapat mengisi kertas itu dengan sempurna dengan menuliskan hanya dua nama calon sahaja, nama calon yang dipilih dan menandatangani. *[Disampuk]* Satu rugi ya. Pilih dua, kemudian tandatangan.

■1250

Selepas itu, lipat kertas itu dan serahkan kepada setiausaha untuk dikira. Saya akan mengumumkan keputusan undi itu sebaik sahaja ia dikira.

Pegawai-pegawai Dewan yang berkenaan sila datang ke meja setiausaha dan ambil kertas-kertas undi dan edarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di blok masing-masing.

Dalam kertas undi itu jelas di mana harus diletakkan tandatangan dan sebagainya.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan, sekiranya ada Ahli yang hanya mengundi seorang sahaja Timbalan Yang di-Pertua, apa kedudukan kertas undi Ahli tersebut? Rosak atau masih lagi diterima sebagai satu undi untuk Timbalan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ia tetap sah.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Sah. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, diharap semua telah menerima kertas-kertas undi seorang satu.

**Beberapa Ahli:** Belum.



**Tuan Yang di-Pertua:** Belum. Kita tunggu sebentar. Saya ingat semua sudah dapat ya.

**Beberapa Ahli:** Belum.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pegawai Dewan, di sebelah belakang belum dapat. Barisan di belakang belum dapat. Okey, saya ingat semua sudah dapat. Dipersilakan mengisi kertas undi itu dengan sempurna dan jangan lupa tandatangan. Selepas itu, lipatkan kertas undi itu dan tunggu sehingga ia dipungut oleh pegawai-pegawai Dewan.

*[Pengundian dijalankan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Pegawai-pegawai Dewan sila pungut kertas-kertas undi dari Ahli-ahli Yang Berhormat di blok masing-masing dan serahkan kepada setiausaha.

Ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang belum menyerahkan? Semua sudah serah? Pada peringkat ini, setiausaha akan menjumlahkan undi-undi itu dengan bantuan penolong-penolong setiausaha.

■1300

*[Pengiraan undi dijalankan]*

■1310

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan undian adalah seperti berikut:

- Yang Berhormat Dato' Mohd Rashid Hasnon (Batu Pahat) mendapat 171 undi. *[Dewan tepuk]*
- Yang Berhormat Tuan Nga Kor Ming (Teluk Intan) mendapat 124 undi. *[Dewan tepuk]*
- Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee (Beluran) mendapat 93 undi. *[Dewan tepuk]*

Dengan itu, saya mengisytiharkan bahawa Yang Berhormat Dato' Mohd Rashid Hasnon, Ahli Parlimen Batu Pahat dan Yang Berhormat Tuan Nga Kor Ming, Ahli Parlimen Teluk Intan telah dipilih sebagai Timbalan-timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. *[Dewan tepuk]*

Dengan itu juga, saya mempersilakan kedua-dua Timbalan Yang di-Pertua mengambil tempat yang telah disediakan. *[Dewan tepuk]* Tahniah kepada yang berdua. *[Dewan tepuk]*

*[Timbalan-timbalan Yang di-Pertua mengambil tempat yang disediakan]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 4(7), sekarang ini saya meminta Setiausaha menyimpan kertas-kertas undi yang dijalankan dalam pengundian tadi di dalam peti undi dan dilakrikan. Peti undi yang telah dilakrikan itu akan disimpan

di bawah jagaan Setiausaha selama sebulan dan selepas itu, tertakluk kepada apa-apa perintah yang diterima daripada Majlis Mesyuarat ini, Setiausaha hendaklah membakar kertas-kertas undi itu dan seterusnya mengesahkan kepada Majlis Mesyuarat bahawa kertas-kertas undi telah dibakar. Prosedur di bawah Peraturan Mesyuarat.

## USUL

### **JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN**

**1.17 petang.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]:** Tuan Yang diPertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini. Jangan berlaku apa-apa kacau bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan Dewan ini; dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu”.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah usul oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang telah dibacakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Dewan tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, maka selesailah sudah urusan kita pada hari ini. Saya dengan ini menangguhkan Majlis Mesyuarat ke hari esok, Selasa 17 Julai 2018, jam 10 pagi.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 1.19 petang]***